

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) BIL. 2/2025:
PENGURUSAN PEROLEHAN LADANG SAWIT OLEH FELCRA BERHAD**

FELCRA menyambut baik akan teguran dan syor Jabatan Audit Negara (JAN) daripada dapatan pengauditan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Bil. 2/2025. FELCRA akur akan penambahbaikan berterusan dalam aspek pengurusan perolehan ladang sawit. FELCRA amat komited terhadap sebarang usaha untuk menambah baik Prosedur Operasi Standard (SOP) dan garis panduan berkaitan pengurusan perolehan ladang sawit.

Dalam aspek pengurusan perolehan ladang sawit, FELCRA telah menambah baik tadbir urus dengan memastikan semua keputusan perolehan ladang sawit dibuat secara kolektif dan selaras dengan resolusi terdahulu serta perlembagaan syarikat. Selain itu, FELCRA bersetuju dengan penetapan tempoh masa minimum antara kelulusan dan pelaksanaan perjanjian untuk memberi ruang kepada penilaian risiko dan semakan sewajarnya dapat dibuat.

Satu lagi langkah penambahbaikan oleh FELCRA adalah pengenalan SOP Perolehan Tanah dan Estet Baru yang lebih ketat, terperinci dan menyeluruh. Inisiatif ini dirancang untuk memastikan setiap keputusan dibuat berdasarkan prinsip integriti serta kepentingan jangka panjang organisasi.

FELCRA percaya bahawa elemen ketelusan dan terbuka dalam proses perolehan ladang sawit adalah asas kepada pemulihan keyakinan rakyat terhadap FELCRA sebagai agensi pembangunan luar bandar yang berwibawa.

Dikeluarkan oleh:

FELCRA Berhad

23 Julai 2025